

Headline	UTM tawar Diploma Sains Halal		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	19 Nov 2011	Color	Full Color
Section	News	Circulation	238,082
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>
Journalist	HANIZA HASSAN	AdValue	RM 2,334
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,002



# Sebagai langkah merealisasikan hasrat Malaysia jadi hab halal global UTM tawar Diploma Sains Halal

Oleh **HANIZA HASSAN**  
utusanjohor@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 18 Nov. - Sebagai langkah merealisasikan hasrat Malaysia sebuah hab halal global, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengorak langkah dengan menawarkan Diploma Eksekutif Pengurusan Sains Halal dan Keusahawanan kepada orang ramai mulai pertengahan tahun depan.

Pengarah Hal Ehwal Korporat UTM, Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman berkata, program tersebut bertujuan mengembangkan lagi disiplin sains halal yang merangkumi bidang sains, keusahawanan, kewangan, perbankan, perundangan, pengurusan dan fiqh Islam.

Beliau berkata, program itu dilihat sebagai satu langkah pengembangan kepada dua program sedia ada yang ditawarkan Fakulti Tamadun Islam (FTI) sejak tahun 2010 iaitu Sarjana

Sains Halal dan Doktor Falsafah (Fiqh Sains dan Teknologi).

"Bagi kemasukan pertama, pihak kami hanya akan mengambil penuntut dalam kuantiti sedikit iaitu 30 hingga 40 orang dan ia akan ditambah dari semasa ke semasa. Mereka akan mengikuti pengajian ini antara enam bulan hingga setahun.

"Dengan kewujudan program ini diharapkan dapat menghasilkan lebih ramai graduan yang berlatar belakang industri dan Fiqh Islam seterusnya memenuhi keperluan pasaran industri halal," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani surat kerjasama di antara UTM dan enam organisasi lain, di sini semalam.

Azlan menandatangani surat persetujuan itu bagi pihak UTM, manakala International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) diwakili oleh Prof. Datuk Dr. Osman Bakar; Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) diwakili Prof. Datuk Dr. Mohd. Yusof Othman; Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Mohamad Alayuddin Che Hassan dan Halal Product Research Institute Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Shuhaimi Abdul Rahman.

Turut menandatangani surat tersebut adalah, Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Tambah Azlan, program tersebut menjurus kepada gabungan antara teori dan praktikal secara terus menerusi kerjasama dengan badan-badan yang terlibat.

"Menerusi kerjasama ini semua pihak terlibat bersetuju untuk bertukar maklumat dan penerbitan, berkerjasama dalam program pengajaran dan penyelidikan, menganjurkan seminar, bengkel dan mengadakan usaha sama dalam program latihan kakitangan akademik," katanya lagi.



**AZLAN Abdul Rahman (tengah) bersama wakil organisasi selepas majlis menandatangani surat kerjasama antara UTM dan enam organisasi di Johor Bahru, kelmarin.**